

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ]**  
**TARIKH : 9.6.2014**  
**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha yang akan diambil bagi meningkatkan mutu pendidikan dan prestasi pelajar susulan Malaysia yang ditinggalkan oleh Vietnam dalam ujian PISA 2012, iaitu pada tangga 52, 53 dan 59 pada mata pelajaran Matematik, Sains dan Bacaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang sedang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) untuk meningkatkan pencapaian murid dalam Ujian PISA pada masa akan datang. Antaranya ialah penerapan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum, memberi kursus KBAT kepada guru-guru, aktiviti KBAT berasaskan projek serta perkongsian program KBAT dengan pihak swasta dan komuniti. KPM juga telah meningkatkan peratus kandungan KBAT dalam soalan peperiksaan awam, memperkenalkan program *i-Think* kepada guru untuk melatih murid menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran supaya kemahiran berfikir murid dapat ditingkatkan dan melaksanakan penambahbaikan terhadap kurikulum sedia ada supaya merangkumi kesemua topik yang ada dalam kajian TIMSS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, murid akan menduduki *Mocktest* PISA dan menggunakan modul yang telah dihasilkan agar mereka biasa dengan format soalan